



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**BIL. 20 / 2022**

**PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN**  
**DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN JUN TAHUN 2022**  
**(DPT BLN6/2022)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Jun Tahun 2022 (DPT BLN6/2022)** telah diperaku dan diwartakan pada hari ini **19 Julai 2022**. DPT BLN6/2022 ini dibuka untuk semakan **selama 30 hari mulai 19 Julai 2022 hingga 17 Ogos 2022**.
2. DPT BLN6/2022 ini mengandungi nama bagi **38,786** orang warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Jun 2022 hingga 30 Jun 2022** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **10,414** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **4,591** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi.
3. SPR menyediakan 5 kaedah semakan bagi DPT BLN6/2022 iaitu seperti berikut:
  - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
  - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
  - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
  - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
  - (e) Hotline SPR di talian **03-8892 7018**.

4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Jun 2022 hingga 30 Jun 2022** dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN6/2022. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN6/2022, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** dan hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN6/2022.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN6/2022 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau hubungi Hotline SPR di talian **03-8892 7018** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

19 Julai 2022 / 19 *Zulhijjah* 1443H